

# UPMKB anjur program Tokyo NODAI Borneo Mangrove Exploration 2025, perkukuh kerjasama pemuliharaan bakau di Sarawak



**BINTULU, 3 Mac** – Institut EkoSains Borneo (IEB), Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB) dengan kerjasama Universiti Pertanian Tokyo (Tokyo NODAI) telah menganjurkan Tokyo NODAI–UPMKB Borneo Mangrove Exploration Student Inbound Program 2025 bagi memperkuatkkan kerjasama pemuliharaan bakau di Sarawak.

Program yang berlangsung dia di Kuala Sibuti, Sarawak, menghimpunkan 10 ahli Mangrove Research Club Tokyo NODAI untuk mengkaji dan mengalami sendiri ekosistem bakau di Borneo.

Pengarah IEB, UPMKB, Dr. Syeed Saifulazry Osman Al-Edrus berkata, program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada peserta mengenai kepentingan ekosistem bakau dan usaha pemuliharaannya.

“Melalui program ini peserta dapat memahami secara langsung kepelbagaian biologi bakau di Sarawak serta cabaran pemuliharaannya. Kajian lapangan ini juga membolehkan mereka

memperoleh pengalaman praktikal dalam usaha konservasi," katanya.



Pengarah Program, Dr. Keeren Sundara Rajoo berkata, berkata kerjasama antarabangsa seperti ini penting dalam memelihara ekosistem unik Borneo, selain memperkuuh hubungan akademik antara UPMKB dan Tokyo NODAI.

"Inisiatif seperti ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar tetapi juga menyumbang kepada usaha pemeliharaan ekosistem bakau yang kritikal bagi keseimbangan alam sekitar dan kelestarian biodiversiti," katanya.

Pelajar jurusan perhutanan dari Tokyo NODAI, Naoki Kato, berkata program ini merupakan pengalaman pertama dalam meneroka ekosistem bakau di Borneo dan memperkuuhkan pemahaman dalam bidang perhutanan

"Saya berharap program ini dapat dijadikan sebagai inisiatif tahunan untuk Mangrove Research Club bagi memberi lebih banyak peluang kepada pelajar untuk menjalankan penyelidikan," katanya.

Selain itu, program ini turut dianjurkan bersama Pejabat Hutan Wilayah Miri merupakan sebahagian daripada usaha berterusan UPMKB dalam memperkuuh kajian ekosistem bakau serta memperluaskan jaringan kerjasama dengan institusi antarabangsa dalam bidang konservasi alam sekitar.

Sepanjang program, para pelajar mengambil bahagian dalam sesi taklimat pendidikan dan aktiviti lapangan.

Wakil Jabatan Hutan Sarawak, Ajiah Hamjah telah memberi penerangan mengenai garis panduan pengurusan hutan di Sarawak.



Di Hutan Bakau Kuala Sibuti, wakil Oasis Timber Co., Ahmah Bujang memberikan penerangan tentang kaedah penuaian dan pengurusan bakau secara mampan mengikut garis panduan Jabatan Hutan Sarawak.

Kemudiannya, di Sibuti Wildlife Sanctuary, wakil dari Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC), Abd Ajis Taib dan Sunni Mali berkongsi tentang langkah-langkah pemuliharaan yang dilaksanakan untuk melindungi ekosistem bakau.

Dalam pada itu, kerjasama ini bukan sahaja memperkuuh pemahaman pelajar mengenai pemuliharaan bakau, malah mengukuhkan komitmen IEB, UPMKB dalam memupuk pertukaran akademik antarabangsa ke arah kelestarian alam sekitar.